



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PENDERMAAN ORGAN: ERTI SEBUAH KEHIDUPAN"

8 September 2023 / 22 Safar 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُلَّهُ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Bersempena minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat Kebangsaan pada 7 hingga 13 September 2023, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### "PENDERMAAN ORGAN: ERTI SEBUAH KEHIDUPAN"

Organ ialah alat dalaman dan luaran yang membentuk tubuh manusia. Organ berperanan penting untuk memastikan tubuh kekal sihat. Namun, atas beberapa sebab, organ berkemungkinan menghadapi penyakit atau kerosakan, dengan sebab itu tidak dapat bekerja dengan baik, lalu menjelaskan kesihatan tubuh badan. Atas kesedaran tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia menganjurkan Kempen Kesedaran Pendermaan Organ, dengan harapan, ummah akan memiliki fikiran lebih terbuka bersedia mendermakan organ.

Organ yang didermakan, memberi harapan baharu kepada pesakit yang mengalami masalah organ yang berpenyakit atau rosak. Pesakit boleh diselamatkan melalui kaedah rawatan pemindahan organ; iaitu menggantikan organ yang berpenyakit atau rosak

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



dengan organ yang sihat. Namun begitu, rawatan ini mustahil dilakukan jika tidak ada pendermaan organ untuk menggantikan organ yang telah rosak.

Berdasarkan rekod, Hospital Kuala Lumpur, bermula tahun 1976 sehingga Jun 2023, terdapat hanya 836 penderma organ yang dapat dimanfaatkan selepas kematian mereka. Daripada angka tersebut, hanya 111 orang penderma organ, bersamaan tiga belas peratus sahaja yang beragama Islam. Angka ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah pesakit yang memerlukan organ gantian. Berdasarkan data terkini, terdapat 10,893 orang pesakit di Malaysia yang ketika ini berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ baharu; sembilan puluh sembilan peratus darinya sedang menunggu untuk mendapatkan derma buah pinggang.

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Syariat Islam amat mengutamakan penjagaan nyawa, bertepatan dengan *Maqasid Syariah* iaitu ‘*Hifz al-Nafsi*’. Menderma organ merupakan satu ibadah, amalan yang sangat terpuji. Menderma organ merupakan satu ikhtiar untuk menyelamatkan nyawa manusia dan memberikan kehidupan baharu kepada mereka. Ramai pesakit yang dapat diselamatkan melalui organ yang dipindahkan ke tubuh mereka, antaranya pesakit yang mengalami kegagalan peranan buah pinggang, hati, jantung dan sebagainya. Organ yang sihat amat diperlukan daripada penderma, setelah mendapat persetujuan waris si mati. Sifat ihsan – sifat bermurah hati serta niat membantu menyelamatkan nyawa manusia lain adalah asbab kepada kejayaan kaedah rawatan pemindahan organ.

Persidangan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1970, membenarkan atau mengharuskan pemindahan organ dilakukan. Hukum yang sama juga diputuskan oleh badan-badan fatwa antarabangsa seperti *Majma’ Fiqh Islami* dan *Lajnah Da’imah* Arab Saudi. Keharusan hukum tersebut disyaratkan mendapat persetujuan ahli keluarga si mati dan pemindahan organ tersebut menjadi ikhtiar yang dituntut demi membantu menyelamatkan nyawa penerimanya.

Melalui organ yang didermakan, pesakit berpeluang sembuh serta dapat meneruskan kehidupan seperti biasa. Melalui organ yang didermakan, kita mungkin dapat membantu menyelamatkan seorang bapa yang menjadi tempat pergantungan ahli keluarganya, seorang ibu yang amat diperlukan oleh anak-anak yang masih kecil, seorang guru yang berkemahiran tinggi, begitu juga insan-insan soleh yang menabur bakti kepada ummah.



Oleh sebab nyawa begitu bermakna, al-Quran menggambarkan betapa bernilainya nyawa manusia dan mereka yang memeliharanya. Firman Allah SWT:

...مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ قَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَيْ أَنَّمَا قَاتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا  
فَكَيْ أَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Bermaksud: "...Sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan yang membolehkan untuk membunuh orang itu, atau bukan kerana (dia) membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh seluruh manusia. Dan sesiapa yang menghidupkan (memelihara kehidupan) seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan seluruh manusia. (Surah al-Maidah ayat 32)

Kelebihan bagi mereka yang menderma organ, dijamin oleh Baginda SAW sebagai orang yang berhati mulia, dan bermanfaat kepada manusia dengan menghulurkan bantuan kepada saudaranya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا  
كُرْبَةً مِنْ كُرَبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: "Sesiapa yang membantu mencukupkan keperluan saudaranya, maka Allah pula membantu mencukupkan keperluannya. Sesiapa yang melepaskan kesulitan seorang Muslim, maka Allah melepaskan pula kesusahannya kelak pada hari kiamat."

(Hadis Riwayat Muslim)

**Wahai anak Adam yang dilimpahi rahmat llahi,**

Belanja rawatan yang tinggi perlu ditanggung oleh pesakit yang menghadapi masalah organ yang rosak atau berpenyakit. Pesakit buah pinggang umpamanya, perlu menjalani rawatan dialisis tiga kali seminggu. Bayaran yang dikenakan bagi satu rawatan dialisis ialah 300 ringgit, melibatkan belanja 900 ringgit seminggu dan 3,600 ringgit sebulan. Tanggungan kewangan yang membebankan ini, akan dapat dikurangkan jika lebih ramai umat Islam bersedia mendermakan organ setelah mereka mati, lalu membolehkan hospital melakukan urusan pemindahan organ kepada pesakit yang memerlukan.

Kejayaan kempen menderma organ akan dapat membantu para pesakit. Para pesakit tidak lagi perlu mengeluarkan belanja rawatan yang tinggi; di samping membolehkan



mereka menjalani kehidupan yang lebih baik. Insya-Allah setelah menjalani pemindahan organ, para pesakit berupaya kembali bertenaga mengerjakan ibadah dan melakukan pelbagai pekerjaan harian seperti orang yang sihat. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru ummah agar tampil ke hadapan menjadi penderma organ untuk membantu pesakit yang sedang mengalami kerosakan atau kegagalan organ pada tahap akhir.

Kempen menderma organ juga penting untuk mempertingkatkan kesedaran ummah terhadap kegiatan terlarang seperti memperdagangkan organ secara haram, yang merupakan satu kesalahan dan jenayah di sisi undang-undang. Pelbagai maklumat yang sahih berkaitan pendermaan organ boleh diperoleh melalui laman sesawang [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my). Menjadi satu tanggungjawab fardu kifayah ummah untuk mendaftar diri sebagai pengikrar derma organ melalui aplikasi MySejahtera.

**Para tetamu Allah Rahimakumullah,**

Mimbar menyimpulkan 3 perkara berikut:

**Pertama:** Menderma organ merupakan amalan terpuji, merupakan ibadah, selaras dengan *Maqasid Syariah*, ikhtiar dan usaha yang dengan izin Ilahi boleh menyelamatkan nyawa pesakit.

**Kedua:** Sifat tolong-menolong, membantu meringankan bebanan sesama manusia merupakan satu inti pati ajaran Islam yang amat besar dan perlu dihidupkan dan diamalkan oleh ummah.

**Ketiga:** Amalkan sifat sentiasa mengambil berat kepada masalah masyarakat berteraskan iman dan takwa, dengan mengamalkan sifat pemurah, bersedia menghulurkan pelbagai bentuk bantuan dan derma, hatta organ badan setelah kita mati, kepada orang-orang yang memerlukan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَخْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَاتَّيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِتِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kurniai kami kesihatan tubuh badan yang baik. Bimbang kami untuk menjalani gaya hidup yang sihat. Curahkan sifat ihsan dalam jiwa kami agar kami saling bantu membantu terutama meringankan beban pesakit yang memerlukan organ dan bantuan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَاعِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.